

DOSANAC[®] Emulsion Gel

Diclofenac Diethylammonium (1%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DOSANAC
2. Bagaimana DOSANAC berfungsi
3. Sebelum mengguna DOSANAC
4. Cara menggunakan DOSANAC
5. Semasa menggunakan DOSANAC
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DOSANAC
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DOSANAC

DOSANAC merupakan sejenis ubat gel topikal (sapu) yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan mengurangkan keradangan sendi dan otot. Ia boleh digunakan untuk merawat:-

- kecederaan otot, sendi, tendon, ligamen
- tendonitis seperti siku tenis
- arthritis lutut atau jari yang tidak serius

Bagaimana DOSANAC berfungsi

DOSANAC tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai ubat anti-radang bukan steroid (NSAID) dengan ciri-ciri analgesik, anti-radang dan antipiretik.

Ia berfungsi dengan merencatkan sintesis prostaglandin untuk melegakan kesakitan, mengurangkan keradangan serta bengkak sendi dan otot yang menyakitkan.

Sebelum mengguna DOSANAC

Bila tidak boleh mengguna
Jangan gunakan DOSANAC

jika anda:

- alah terhadap NSAID yang digunakan untuk merawat kesakitan, demam dan keradangan, seperti aspirin atau ibuprofen
- alergi terhadap diclofenac atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini
- dalam 3 bulan terakhir kehamilan

Sebelum mula mengguna

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan DOSANAC jika anda:

- mempunyai keadaan kulit seperti kecederaan, luka terbuka, ruam atau ekzema
- menggunakan ubat NSAID yang lain
- hamil, terutama sekali dalam 3 bulan terakhir kehamilan
- sedang menyusu bayi atau merancang untuk memulakan penyusuan bayi

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau kebelakangan ini mengambil ubat-ubatan lain, termasuk produk tradisional yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan DOSANAC

Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan topikal sahaja.

Sapukan gel 3 hingga 4 kali sehari di bahagian yang terjejas.

Gosokkan gel perlahan-lahan untuk memastikan penyerapan ubat ke dalam kulit. Anda mungkin merasai sedikit kesan penyejukan apabila anda menggosok gel ke dalam kulit.

Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Bila perlu digunakan

Guna seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Jangan gunakan produk ini untuk tempoh lebih daripada 2 minggu. Tanya doktor anda sebelum menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat.

Jika sudah hampir waktu dos akan datang, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan sapu ubat gel yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Bilas mata anda dengan air paip jika gel termasuk ke dalam mata atau dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terguna secara berlebihan atau tertelan ubat tersebut secara tidak sengaja. Walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan, tetapi anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Pusat Racun Negara boleh dihubungi di:

- Semasa waktu pejabat: 04-657 0099
- Selepas waktu pejabat: 012-430 9499

Semasa menggunakan DOSANAC

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat dengan tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda
- Amalkan penggunaan ubat

DOSANAC[®] Emulsion Gel

Diclofenac Diethylammonium (1%w/w)

pada waktu yang sama
setiap hari

- Basuh tangan selepas menggunakan ubat
- Tutup penutup selepas setiap penggunaan

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan gunakan ubat ini tanpa preskripsi dari doktor atau ahli farmasi anda
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor anda
- Jangan mengguna sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai tanda dan simptom yang sama
- Jangan menelan ubat ini atau menyapu di dalam mulut
- Jangan gunakan pada kulit yang cedera, luka terbuka, kulit yang ruam atau ekzema
- Jangan gunakan di bawah pembalut kedap udara (plastik), kecuali pendakap atau pembalut yang biasa digunakan untuk kecederaan seperti terseliuh

Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- keadaan anda tidak berubah atau menjadi lebih teruk

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatkannya. Anda dinasihatkan untuk memberitahu doktor dengan segera jika anda mengalami reaksi alahan terhadap NSAID atau kesan-kesan berikut:-

- Berdehit, sesak nafas, rasa

sesak dalam dada (asma)

- Ruam kulit dengan lepuh, puru
- Bengkak muka, bibir, lidah atau tekak

Ini bukan senarai lengkap untuk semua kesan sampingan yang mungkin akan berlaku. Sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883 5549, atau laman web npra.moh.gov.my

[Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan DOSANAC Penyimpanan

Jauhi dari kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi dari haba dan cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Amalan ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Gel seperti krim yang berwarna putih.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Diclofenac Diethylammonium

Bahan tidak aktif:

Carboxymethylcellulose
Sodium, Triethanolamine,

Essential Oil, Polysorbate 80, Propylene Glycol, Carbomer 940, Isopropyl Alcohol, Benzyl Alcohol, Purified Water

Nombor MAL

MAL19990579AZ

Pengilang

Siam Bheasach Co., Ltd., 123 Soi Chokechairuammitr, Vibhavadi-Rangsit Road, Chomphon, Chatuchak, Bangkok 10900 and 9 Soi Chokechairuammitr 3, Vibhavadi-Rangsit Road, Dindang, Dindang, Bangkok 10400, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

SPG Pharma (Malaysia) Sdn. Bhd., Suite 1701, Block A, Damansara Intan e-Business Park, No.1, Jalan SS20/27, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
15/08/2024

Nombor Siri

BPFK(R4/1)150216/00029